



Harian Metro

03/06/2009

Page: 24

Section: Business &

Region: Malaysia Circulation: 289315

Type: Malaysia - Bahasa Newspapers

Size: 103.00 sq.cms

Frequency: MTWTFSS

CIMB teroka pelaburan di China

DANA baru CIMB-Principal Asset Management Bhd, CIMB Islamic Greater China Equity Fund akan meneroka sektor pertumbuhan tinggi di China yang bakal meraih manfaat daripada pakej rangsangan kuasa besar ekonomi negara itu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, J Campbell Tupling, berkata berikutan pelabur berminat melabur di China bagi meraih keuntungan tinggi, syarikat itu mahu menawarkan peluang bagi pelaburan berbeza jenisnya.

Ini dana kedua menampilkan pelaburan di China yang ditawarkan syarikat itu tahun ini.

"Tumpuan kami ialah pel-

bagai pelabur yang mahukan pelaburan jangka panjang.

"Disebabkan China dalam proses pemulihan dengan bantuan pakej rangsangan bernilai AS\$585 bilion (RM2.012 trilion), ini peluang pelabur mengambil bahagian dalam pasaran," katanya selepas pelancaran dana itu di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, ketua pegawai pelaburannya, Raymond Tang, berkata antara potensi boleh diteroka adalah dalam sektor prasarana kerana 60 peratus daripada pakej rangsangan China diperuntukkan bagi sektor itu.

Beliau berkata, lonjakan

mudah tunai akan terus menyokong pasaran saham.

Bagaimanapun, walaupun dengan pengaliran masuk sejumlah wang yang besar ke dalam ekonomi dan permintaan domestik yang melonjak sekalipun, China masih berada dalam persekitaran deflasi.

"China berkemungkinan mengatasi Jepun dan menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia menjelang 2010 selepas Amerika.

"Dana ini akan melabur dalam syarikat bermodal sederhana dan besar yang diniagakan pada nilai menarik serta dalam saham pertumbuhan," katanya. - Bernama